

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : SEMPENA PELANCARAN KUTIPAN DERMA RAYUAN HARI PAHLAWAN TAHUN  
1988  
Lokasi : MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)  
Tarikh : 30-07-1988

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera saya ucapkan kepada segenap lapisan masyarakat di tanahair.

Saya merasa amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya telah membolehkan saya untuk melancarkan Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan bagi Persatuan Bekas Perajurit Malaysia ke seluruh negara pada tahun ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Dengan izin Allah Subhanahu wa Ta'ala jua, fajar 31hb. Julai akan menjelma sekali lagi pagi esok. Fajar tersebut adalah menjadi suatu wadah dan melambangkan keberanian serta keperwiraan perajurit-perajurit dalam mempertahankan negara yang tercinta. Fajar itu juga menjadi suatu lambang yang tidak mudah dilupakan dan seharusnya diberi penghormatan yang besar oleh setiap lapisan masyarakat di negara ini. Pada tarikh 31hb. Julai 1960, Kerajaan telah mengisytiharkan tamatnya keadaan darurat di tanahair kita, iaitu hampir genap tiga tahun setelah negara mencapai kemerdekaannya. Pada tarikh yang sama, negara telah memasuki suatu era baru di mana rakyat telah dibebaskan daripada belenggu penderitaan serta ancaman penganas komunis yang sentiasa mengancam kehidupan mereka dengan pelbagai angkara selama 12 tahun. Semenjak tarikh tersebut, pihak Kerajaan pula telah dapat mengalihkan perhatian serta memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pengisian kemerdekaan dan melancarkan berbagai rancangan pembangunan selaras dengan cita-cita dan aspirasi rakyat.

3. Sebagaimana yang telah saya perkatakan terlebih awal, negara ini berada di dalam keadaan huru-hara selama 12 tahun iaitu mulai tahun 1948 sehinggalah menjangkau ke tahun 1960. Di dalam masa tersebut berbagai penderitaan telah diharungi dan dialami oleh kita bersama. Perintah berkurung berlaku di sana sini. Sementara itu, rakyat pula tidak dapat bergerak dengan bebas dan secara langsung telah menjejaskan mata pencarian dan penghidupan mereka. Penganas-penganas komunis pula telah bermaharajalela dengan sewenang-wenangnya dan menjalankan berbagai kekejaman seperti memusnahkan ladang-ladang, infrastruktur Kerajaan, membakar rumah-rumah, merosakkan pengangkutan awam, malah dengan kejamnya membunuh sesiapa jua tanpa mengenal tua ataupun muda.

4. Sungguhpun begitu segala kekejaman tidak akan kekal selama-lamanya. Ini adalah berkat daripada kegigihan serta sifat positif yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membanteras kekejaman tersebut. Kejayaan ini juga telah dicapai berkat daripada usaha yang gigih serta semangat keperwiraan sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh pasukan bersenjata di dalam usaha-usaha membanteras kekejaman di samping menegakkan keadilan. Usaha-usaha murni itu sedikit demi sedikit telah dapat mengikis segala kemungkaran dan akhirnya keselamatan negara telah dapat dipulihkan semula.

5. Segala kejayaan tersebut adalah merupakan satu lipatan sejarah yang tidak sepatutnya dilupakan oleh setiap golongan masyarakat di negara ini. Kita telah berjaya menebus kembali maruah bangsa, agama dan tanahair, bukannya secara mudah tetapi penuh dengan linangan airmata, malahan dengan titisan darah perwira-perwira tanahair kita sendiri. Inilah sebesar-besar pengorbanan yang telah disumbangkan oleh perwira-perwira tanahair terhadap negaranya yang tercinta sebagai menjunjung tinggi ikrar taat setia mereka apabila bertugas.

6. Sempena dengan pengisytiharan tamatnya darurat pada 31hb. Julai 1960, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengisytiharkan pula tarikh tersebut sebagai Hari Pahlawan bagi menghormati dan memperingati perajurit-perajurit dan pasukan-pasukan bersenjata yang lain yang telah terkorban, cacat dan sebagainya semasa menjalankan tugas mereka demi menjamin kesejahteraan dan keamanan negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Sebagai rakyat yang cintakan tanahair, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita bersama untuk menentukan bahawa perajurit-perajurit yang telah banyak berkorban tenaga dan jiwa mereka itu tidak akan dipersia-siakan, apatah lagi setelah mereka menamatkan perkhidmatan dengan angkatan bersenjata.

8. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengizinkan supaya Persatuan Bekas Perajurit Malaysia mengelolakan Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan di seluruh negara dengan tujuan untuk memungut derma daripada orang ramai bagi membantu bekas-bekas perajurit, balu-balu serta anak-anak yatim yang kurang bernasib baik, mengharungi hidup mereka dengan lebih bermakna lagi. Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan adalah dilancarkan pada setiap tahun mulai 31hb. Julai hingga 31hb.

Ogos. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru semua pihak supaya bersama-sama menderma bagi menjayakan usaha-usaha murni ini.

9. Dalam tempoh yang sama, Persatuan Bekas Perajurit akan menjalankan berbagai aktiviti, bukan sahaja untuk mendapatkan sumbangan daripada orang ramai, bahkan juga lain-lain kegiatan sosial yang mempunyai hubung kait yang rapat dengan masyarakat. Usaha-usaha ini termasuklah mengadakan program khidmat masyarakat, di mana ahli-ahli daripada persatuan ini akan menganjurkan berbagai acara gotong-royong serta menderma darah beramai-ramai. Sungguhpun aktiviti-aktiviti itu dianjurkan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia, orang ramai juga dijemput turut serta untuk menjayakan program-program tersebut. Sementara itu, bagi menjayakan lagi Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini, saya difahamkan bahawa Kementerian Pertahanan serta Kerajaan-Kerajaan Negeri telah mencapai kata sepakat untuk menubuhkan jawatankuasa di peringkat Persekutuan dan Negeri-Negeri demi membantu dan menyelaras kan usaha-usaha kutipan derma ini.

10. Saya menaruh harapan supaya jawatankuasa-jawatankuasa ini akan dapat memainkan peranan masing-masing, bukan sahaja untuk mempertingkatkan daya pungutan derma daripada orang ramai, bahkan juga memperluaskan kegiatan-kegiatan khidmat masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada sekalian para dermawan kerana rayuan pada tahun yang lalu telah berjaya menghasilkan sebanyak lima ratus tiga puluh tiga ribu ringgit kepada Tabung Kebajikan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Di samping itu, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia telah berjaya mengeluarkan pelbagai bantuan kebajikan kepada ahli-ahli serta tanggungan mereka yang memerlukannya sebanyak enam ratus empat puluh ribu ringgit.

Jumlah bantuan yang dikeluarkan itu adalah merupakan satu jumlah yang besar dan sentiasa meningkat pada setiap tahun. Saya menaruh keyakinan bahawa segenap lapisan masyarakat di negara ini tentu sekali akan turut bersimpati dengan penderitaan serta kepayahan hidup yang sedang dihadapi oleh bekas-bekas perajurit ataupun tanggungan mereka pada masa kini, terutamanya yang cacat dan cedera.

12. Dalam hal ini, sekali lagi saya mengambil peluang di sini untuk memohon jasa baik daripada orang ramai supaya terus berbakti kepada mereka yang telah menabur banyak jasa kepada kita semua dan negara ini.

Segala sumbangan, baik kecil mahupun besar, sudah pasti akan meringankan bebanan yang sedang dipikul oleh mereka yang amat memerlukannya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Akhir kata, saya berdoa semoga kempen Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini akan

memperolehi kejayaan sebagaimana yang diharap-harapkan.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.